

HARI :	RABU
TARIKH :	25/9/2019
M/SURAT :	40

## APP pindaan: TTPM jangka terima lebih banyak aduan

**PUTRAJAYA 24 Sept.** - Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia (TTPM) dijangka menerima lebih banyak aduan selepas Akta Perlindungan Pengguna (APP) 1999 (Pindaan) 2019 berkuat kuasa 1 Oktober ini.

Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Muez Abd. Aziz berkata, pindaan akta yang melibatkan peningkatan had nilai tuntutan itu dilihat mampu memperkasakan hak pengguna seiring peningkatan kuasa beli rakyat.

Selain itu katanya, pindaan tersebut akan memastikan

peranan TTPM kekal relevan ketika mendepani isu pertikaian dan tuntutan kepenggunaan yang semakin kompleks.

“Perkembangan ekonomi yang pesat menyebabkan harga barangan dan perkhidmatan meningkat melebihi nilai RM25,000 seperti pembelian kereta, motosikal dan pengu-bahsuaian rumah sekali gus menyebabkan pengguna hilang kelayakan membawa kes ke TTPM untuk diadili.

“Kementerian telah bersedia sepenuhnya bagi menangani semua aduan,” katanya dalam sidang akhbar di sini hari ini.

